

# Tidak ada perubahan besar: PM

B.H. 12 FEB 1993

KUALA LUMPUR, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata tiada perubahan besar yang akan dilakukan terhadap pindaan Perlembagaan bagi menghadkan kekebalan raja-raja yang diluluskan Parlimen, baru-baru ini.

Sambil melahirkan rasa lega dan puas hati dengan keputusan Majlis Raja-Raja, beliau berkata, pengubahsuaian hanya membabitkan Mahkamah Khas.

"Saya sudah membaca laporan mengenai keputusan Majlis Raja-Raja dan saya puas hati kerana tiada perubahan besar, cuma menentukan cara saja," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan meraikan penderma bagi pembinaan Memorial Tunku Abdul Rahman Putra di sini, malam ini.

Dr Mahathir berkata, pengubahsuaian itu hanya membabitkan Mahkamah Istimewa (Mahkamah Khas) kerana raja-raja tidak boleh dibawa ke mahkamah biasa.

Katanya, walaupun raja-raja dibicarakan di Mahkamah Istimewa mereka masih terikat dengan undang-undang yang ada.

"Penubuhan Mahkamah Khas ini selaras dengan tujuan kita sejak awal lagi... kita tidak hendak membawa raja ke mahkamah biasa.

"Mahkamah Khas ini tidak ada mahkamah bawah atau mahkamah rayuan, cuma satu

mahkamah saja. Di situ lah raja didakwa dan disitulah diputuskan serta tidak ada rayuan," katanya.

Menjawab soalan, beliau berkata, segala keistimewaan yang tidak diwartakan akan tetap ditarik balik.

Perdana Menteri juga berkata, Kabinet atau kerajaan akan menentukan tarikh persidangan khas Parlimen bagi membahaskan rang undang-undang itu selepas 28 hari mengemukakan notis.

Dr Mahathir juga menegaskan, Umno tidak mempunyai masalah atau bermusuhan dengan sultan atau istana.

Beliau sekali lagi menegaskan isu itu sudah selesai.

Sementara itu, Pas menyokong pendirian raja-raja dan kerajaan mengubahsuaikan pindaan Perlembagaan itu.

Yang Dipertuanya, Fadzil Nor, berkata pada dasarnya Pas bersetuju keputusan kedua-dua pihak, tetapi akan meneliti terlebih dahulu perkara yang akan dipinda itu.

"Terpulanglah kepada raja-raja untuk membuat keputusan kerana itu adalah hak mereka," katanya.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Kedah, Rokiah Zainudin, berkata keputusan raja-raja Melayu menerima pindaan Perlembagaan Persekutuan adalah bukti mereka peka kepada kehendak rakyat dan negara.

Beliau berkata, Wanita Kedah menjunjung tinggi keputusan itu.